

e-MAJALAH

DARUL ULUM

MALAYSIA

NO. KELUARAN : 05/01/08/2021 | MUHARRAM 1443 | OGOS 2021

Kejayaan Dalam Agama

Ada apa dengan bulan

MUHARRAM

Amalan Muharram untuk
REZEKI SETAHUN

Sayyidina Zaid Bin Harisah ﷺ

terselamat dari perompak dengan
bantuan dari malaikat berkuda

SOAL JAWAB AGAMA

Bolehkah Puasa Tunggal
1 Hari pada hari Jumaat,
Sabtu atau Ahad?

Gambar : Masjid Nabawi, Madinah



PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM (PPM-021-14-19082020)

Alamat : No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling, 57000 Kuala Lumpur.

Laman web : <http://darululum.my>

Emel : dumalaysia@gmail.com

PENDIRIAN

Dengan nama Allah ﷺ, segala puji bagi Allah ﷺ, Tuhan sekalian alam. Hanya kepadaNya kami mohon pertolongan dalam perkara dunia dan agama. Selawat dan salam buat Rasul junjungan, penutup kenabian, Nabi Muhammad ﷺ dan keluarga dan para sahabat baginda. Tidak ada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah Maha Tinggi Maha Agung.

Suka untuk kami nyatakan bahawa kami dan juga para akabir mengikut mazhab imam dari salasilah kenabian, mujtahid agung sepanjang zaman, zahid dan wali Allah, Imam Muhammad ibn Idris al-Syafi'i ﷺ, dalam perkara berkaitan fiqh. Kami mengikut mazhab para imam yang benar, Abu al-Hasan al-Ash'ari ﷺ dan Abu Mansur al-Maturidi ﷺ, dalam perkara aqidah. Salasilah kami dalam tasawuf berkesinambungan dengan kaedah suci tarekat Chistiyyah, kaedah terbilang tarekat Naqshabandiyah, kaedah murni tarekat Qadiriyyah dan kaedah yang diredai tarekat Suhrawardiyyah.

Kami tidak berbicara dalam perkara yang berkaitan dengan agama melainkan kami mempunyai bukti dari Al-Qur'an, Sunnah, ijmak para ulama atau pandangan daripada salah seorang imam mujtahid. Di samping kenyataan ini, tidak kami mengisyiharkan bahawa kami maksum dari melakukan sebarang kesalahan, sama ada kesilapan daripada coretan pena atau tutur kata. Oleh itu, jika nyata kami melakukan kesalahan dalam kenyataan kami, tidak kira sama ada ia mengenai usul atau furu, malu tidak menghalang kami daripada menarik balik pendapat kami dan mengisyiharkan kesilapan tersebut.

Oleh itu, jika para ulama berpendapat bahawa kami telah melakukan kesilapan dalam sesuatu perkara, jika kesilapan itu mengenai perkara 'aqidah, adalah perlu bagi mereka menyatakan pandangan mereka dan bukti daripada ulama 'aqidah. Jika kesilapan tersebut adalah berkenaan masalah fiqh, maka adalah perlu untuk mengemukakan hujjah daripada pandangan fuqaha. Jika sedemikian, dengan kehendak Allah, maka kami akan menerima dengan hati yang terbuka, lapang dada dan kesyukuran dari ruh dan jiwa kami.

PRAKATA e-MAJALAH 05

Sifat orang mukmin ialah sentiasa berlumba-lumba untuk mencari peluang mengumpulkan kebaikan untuk hari akhirat. Dan berasa gembira apabila dapat melakukan sebarang kebaikan yang memberikan keuntungan bagi kehidupan akhiratnya. Bukan itu sahaja, orang mukmin juga akan berasa gembira jika sekiranya kebaikan tersebut dapat tersebar serta diamalkan oleh seluruh umat Islam yang lain juga. Kerana hati orang mukmin itu bersih. Dia cintakan kebaikan dan mahukan kebaikan datang dalam kehidupan seluruh umat. Muhamarram adalah peluang yang sangat besar bagi seorang mukmin. Di dalamnya terkumpul sangat banyak kebaikan yang boleh diperoleh oleh mana-mana hamba yang inginkan kebaikan. Rebutlah peluang yang diberikan kepada kita ini sepenuhnya. Dikhawatiri peluang seperti ini tidak akan diperoleh lagi kelak. Jangan membuang masa dengan perkara-perkara yang sia-sia. Sebaliknya penuhkan masa dan habiskan hari dengan amal-amal kebaikan, percakapan kebaikan, perbuatan kebaikan serta hati yang penuh dengan kebaikan.

SIDANG REDAKSI

Pengurus

Ustaz Lukman Bin Mohd Hasbi

Ketua Pengarang

Abu Muhammad Thoriq

Penulis Kehormat

Ustaz Ahmad Lutfi Bin Muharam
Ustaz Abdul Fatah Bin Abdullah@Abas
Ustaz Umair Bin Abdul Ghaffar
Ustaz Abdul Rahman Bin Harman Shah Raniri
Ustaz Wan Aswadi
Ustaz Syauqi Bin Mohd Halim
Fuad Akmal Bin Mohamad Zahir
Mohd Khairi Bin Tajudin

PENERBIT

PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM
(PPM-021-14-19082020)
No.66 Jalan 6/149J, Seri Petaling,
57000 Kuala Lumpur.
Laman web : <http://darululum.my>
Emel : dumalaysia@gmail.com
Tel : +6010 320 1200

SLOGAN**Kejayaan Dalam Agama**

Agama ialah menunaikan seluruh perintah Allah ﷺ, meninggalkan seluruh larangan Allah ﷺ, dengan mengikuti cara yang ditunjukkan oleh Nabi ﷺ.

PENAFIAN

Pihak Darul Ulum Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap artikel yang ditulis di dalam e-Majalah ini. Ia adalah hak milik penulis dan tidak semestinya menggambarkan pendirian Darul Ulum Malaysia.

HAK CIPTA

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan apa cara jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada pihak kami.

e-Majalah Darul Ulum Malaysia

ISI KANDUNGAN

Ulum
HADIS

Rencana
KHAS

Amalan
AGAMA

Soal Jawab
AGAMA

Hayatus
SAHABAH

Wanita:
KISAH SAHABIAH

01

ULANGAN : Azam Tahun Baharu
Biar Sehingga Dikira Pahala

05

Ada apa dengan bulan Muharram

09

Puasa Hari 'Asyura &
Meluaskan Belanja Kepada Keluarga

13

Bolehkah Puasa 'Asyura Secara Tunggal
Pada Hari Jumaat, Sabtu atau Ahad?


15

Bantuan Malaikat Kepada Sayyidina
Zaid Bin Harisah ﷺ

16

Doa Rasulullah ﷺ kepada
Sayyidatina Aisyah ؓ

**Sayyidina Abu Sa' id
Khudri ﷺ berkata
Rasulullah ﷺ bersabda,
“Sesungguhnya
seseorang mukmin tidak
pernah kenyang daripada
kebaikan (yakni ilmu), dia
(sentiasa belajar dengan)
mendengar pengajaran
ilmu sehingga (maut
datang menemuinya) dan
dia masuk ke dalam
syurga.” (Tirmizi)**



AZAM TAHUN BAHARU

BIAR SEHINGGA DIKIRA PAHALA

Tahun baharu sinonim dengan frasa "azam tahun baharu" yang biasanya dibuat oleh masyarakat sempena kemasukan tahun baharu. Secara umumnya kita boleh sahaja membuat sebarang azam baharu untuk kebaikan setiap hari bahkan pada bila-bila masa.

Azam baharu adalah suatu perkara yang berkaitan dengan niat. Niat itu pula adalah satu juzuk yang penting di dalam agama. Kerana itu kita perlu membuat azam yang terbaik di dalam hidup ini, mudah-mudahan ianya akan menjadi asbab keuntungan di hari kemudian.

Di dalam salah satu petikan kuliahnya, pengarang kitab *Midrajul Fawatih fi syarb Misykat al-Masobih*, Maulana Husnul Hizam Bin Hamzah menerangkan tentang Niat seperti berikut:

نية المؤمن خير من عمله

"Niat seorang mukmin itu lebih baik daripada amalnya." (Majma' uz-Zawa'id)

Apabila seseorang itu membuat niat maka dia perlu membuat niat yang besar-besar. Sepertimana niat yang dibuat oleh Sayyidina Abu Bakar ؓ iaitu agar badannya dibesarkan sehingga dapat menutup dan menghalang orang lain daripada memasuki neraka.

Contoh yang lain pula ialah apabila seorang wanita itu menyapu sampah di rumahnya maka apakah niat yang dibuat oleh wanita tersebut? Adakah sekadar menyapu sampah untuk membersihkan rumah? Niat besar yang boleh dilakukan oleh wanita tersebut ialah misalnya dia berniat untuk menyapu kesemua kemungkaran keluar daripada dunia ini.

Dalam amalan yang kita lakukan mungkin ada kekurangan berbanding dengan niat yang telah dibuat. Kerana niat itu dibuat dengan sebesar-besarnya dan sebaik-baik niat.

Namun dari segi sifat pula mungkin wujud riyak dalam amal yang dilakukan. Perkara ini akan mengurangkan nilai amal yang dilakukan tadi tetapi perkara ini tidak berlaku di dalam niat.

Terdapat 2 jenis niat iaitu:

1. Niat yang berserta dengan perbuatan (مفترن بالفعل).
2. Niat yang tidak berserta dengan perbuatan (غير مفترن بالفعل).

Adapun "azam tahun baharu" ini termasuk di dalam kategori *Niat yang tidak berserta dengan perbuatan*. Memandangkan kita hanya membuat niat yang akan kita tunaikan pada masa akan datang.

Untuk kategori *Niat yang tidak beserta dengan perbuatan* ini ada 5 tahap pembahagian iaitu:

1. Hajis (هاجس) - Lintasan dalam hati.
2. Khothir (خاطر) - Lekat sebentar dalam hati kemudian dilupai.
3. Hadis un-Nafs (حديث النفس) - Fikir dalam hati.
4. Hamm (هم) - Rancangan.
5. 'Azam (عزم) - Tekad untuk melakukan.

Sebarang niat untuk melakukan Dosa hanya ditulis apabila telah sampai ke tahap ke-5 iaitu 'Azam. Dosa tidak ditulis lagi apabila niat untuk melakukan dosa tersebut pada tahap 1 sehingga 4.

Manakala niat untuk melakukan Pahala pula sudah ditulis apabila telah sampai ke tahap ke-4 iaitu Hamm dan tahap ke-5 iaitu 'Azam. Pahala tidak ditulis lagi apabila niat untuk melakukan pahala tersebut pada tahap 1 hingga 3.

Berdasarkan penerangan di atas dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa bukanlah semua "azam tahun baharu" yang kita buat itu akan ditulis sebagai pahala. Perlulah kita membuat usaha untuk menguatkan niat baik kita tadi sehingga ianya menjadi kenyataan.

Niat baik yang akan membawa ganjaran pahala bukanlah sekadar lakonan semata-mata. Sebaliknya ada usaha di sebalik niat baik tadi yang perlu dilakukan sehingga ianya diqabulkan oleh Allah ﷺ.

Setelah segala usaha telah kita ikhtiarkan barulah selayaknya kita berserah kepada Allah ﷺ dan seterusnya berdoa dan bermunajat kepada Allah ﷺ dengan menyedari bahawa segala usaha yang kita lakukan tersebut hanyalah sekadar ikhtiar seorang hamba sedangkan yang berkuasa untuk memberi bekas atas sesuatu hanyalah Allah ﷺ.

- 1** Buat niat baik yang besar-besar. Sering berdamping dengan para ulama dan orang-orang soleh untuk mendapat semangat dan dorongan untuk membuat niat yang besar-besar.
- 2** Kekalkan niat baik tersebut di dalam hati dengan cara sering menzhirkan niat baik tersebut. Salah satu cara untuk menzhirkan niat ialah dengan menceritakan niat baik tadi kepada orang lain dengan tujuan supaya Allah ﷺ mengekalkan niat itu di dalam hati kita.
- 3** Melapangkan masa untuk memikirkan tentang niat baik tadi di dalam hati kita. Salah satu cara untuk menguatkan fikiran tentang niat baik tadi ialah dengan mengajak dan menyediakan orang lain juga untuk membuat kebaikan tersebut. Dengan tujuan supaya Allah ﷺ menguatkan fikir kita terhadap niat baik tadi.
- 4** Mula membuat perancangan seawal mungkin untuk merealisasikan niat baik itu. Sering bermesyuarat dan berbincang dengan para ulama dan orang-orang soleh untuk mendapatkan panduan yang tepat untuk melakukan perancangan sesuai tuntunan Nabi ﷺ.
- 5** Kuatkan tekad untuk melaksanakan niat baik tadi dengan bersedia untuk mengorbankan seluruh harta dan diri (masa) kita demi merealisasikan niat baik tadi.

Ayat Al-Quran dan Hadis-Hadis tentang bulan Muharram

Allah ﷺ berfirman, "Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah ﷺ adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah ﷺ di waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah (ketetapan) agama yang lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan yang empat itu, dan perangilah kaum musyrikin itu semuanya sebagaimana merekapun memerangi kamu semuanya, dan ketahuilah bahwasanya Allah ﷺ beserta orang-orang yang bertakwa." (Surah at-Taubah, ayat 36)

Rasulullah ﷺ bersabda, "Dalam setahun itu ada dua belas bulan dan di antaranya adalah empat bulan haram. Tiga bulan yang berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, dan Muharram serta bulan Rejab yang berada di antara Jamadil Akhir dan juga Syaaban." (Bukhari)

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sekiranya kamu hendak berpuasa setelah bulan Ramadan maka berpuasalah kamu pada bulan Muharram kerana sesungguhnya ia adalah bulan Allah." (Tirmizi)

Ibn Abbas ﷺ apabila ditanyakan mengenai puasa 'Asyura, beliau berkata, "Aku tidak pernah melihat Rasulullah ﷺ mengejar satu hari yang fadilatnya lebih berbanding hari-hari yang lain melainkan hari ini iaitu hari 'Asyura." (Bukhari)

Dari Abu Qatadah ﷺ seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah ﷺ tentang puasa 'Asyura, maka kata Baginda, "Aku berharap ke atas Allah ﷺ agar ia dapat mengampunkan dosa setahun yang berlalu." (Muslim)

Daripada Abu Hurairah ﷺ beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Sebaik-baik puasa selepas puasa Ramadan adalah puasa dalam bulan Allah iaitu bulan Muharam. Sebaik-baik solat selepas solat fardu adalah solat sunat pada waktu malam." (Muslim)

Ibn Abbas ﷺ berkata, "Apabila Rasulullah ﷺ sampai di Madinah. Baginda ﷺ mendapati orang Yahudi berpuasa pada hari 'Asyura lalu baginda ﷺ bertanya kepada mereka (sebab mereka berpuasa). Mereka (orang Yahudi) menjawab: "Ini adalah hari di mana Allah ﷺ telah memenangkan Nabi Musa ﷺ ke atas fir'aun". Maka Nabi ﷺ bersabda, "Kami lebih utama terhadap Nabi Musa ﷺ berbanding mereka (orang Yahudi). Maka berpuasalah kamu pada hari tersebut (hari 'Asyura)." (Bukhari)

Sayyidatina Aisyah ؓ berkata, "Hari 'Asyura adalah suatu hari yang mana orang-orang Quraish berpuasa padanya ketika Jahiliah. Dan Rasulullah S.A.W juga berpuasa pada hari tersebut. Ketika sampai di Madinah, Nabi SAW berpuasa pada hari 'Asyura dan baginda menyuruh umat Islam berpuasa pada hari tersebut. Namun apabila difardhukan puasa Ramadhan, baginda bersabda mafhumnya, "Sesiapa yang hendak, maka berpuasalah ia (pada hari 'Asyura), dan sesiapa yang tidak mahu tinggallah ia (puasa 'Asyura)." (Bukhari dan Muslim)

Daripada Aisyah ؓ berkata, "Adapun Rasulullah ﷺ memerintahkan agar berpuasa pada hari 'Asyura." (Bukhari)

"Ketika Rasulullah ﷺ berpuasa pada hari 'Asyura dan menyuruh orang ramai berpuasa, maka para sahabat bertanya: Ya Rasulullah! 'Asyura adalah hari yang diagung-agungkan oleh orang-orang Yahudi dan Nasrani. Maka baginda bersabda, "Jika datang tahun hadapan kita akan berpuasa pada hari Tasu'a (hari ke-9 di bulan Muharam) juga." (Berkata Ibn Abbas ؓ "Maka belum tiba tahun hadapan, Rasulullah SAW telah wafat.") (Muslim)

Ibn Abbas ؓ berkata Rasulullah ﷺ bersabda, "Berpuasalah kalian pada hari 'Asyura dan berbezalih dengan golongan Yahudi. Berpuasalah sehari sebelumnya ataupun sehari selepasnya." (Ahmad)

ADA APA DENGAN BULAN MUHARRAM

BULAN MUHARRAM BULAN ALLAH

Para ulamak mengatakan bahawa bulan Muharram dikaitkan dengan Allah ﷺ adalah untuk menambahkan lagi kebesaran bulan ini dan menunjukkan kelebihannya.

Allamah Suyuti ﴿ menerangkan bahawa, "Nama Muharram adalah nama Islam.

Berbeza dengan nama bulan-bulan Islam yang lain yang dikekalkan namanya sejak zaman jahiliah.

Muharram dipanggil *Safar al-Awwal*. Allah ﷺ mengubah nama tersebut kepada Muharram apabila datangnya Islam.

Maka bulan ini digelar sebagai bulan Allah." (As-Suyuti, *ad-Dibaj 'ala Sahih Muslim*, hadis 2747, al-Mubarakfuri, *Tuhfat ul-Ahwadzi*, hadis 740)

BULAN MUHARRAM BULAN HARAM

Imam al-Bukhari ﴿ dan Imam Muslim ﴿ telah merakamkan riwayat hadis yang menyebut tentang 4 bulan haram iaitu Muharram, Rejab, Zulkaedah dan Zulhijjah. (Al-Bukhari, *Sahih Bukhari* 4662, Muslim, *Sahih Muslim* 1679)

BERPUASA PADA BULAN MUHARRAM

Memandangkan Muharram adalah salah satu daripada 4 bulan haram maka berpuasa nafil di dalamnya akan mendapat ganjaran yang lebih berbanding berpuasa pada bulan lain.

Imam at-Tabarani meriwayatkan sebuah hadis yang menerangkan kelebihan berpuasa pada bulan Muharram. Iaitu sehari berpuasa di bulan Muharram akan mendapat ganjaran seolah-olah berpuasa selama sebulan. Namun riwayat ini adalah riwayat yang amat lemah. (At-Tabarani, *al-Mu'jam as-Saghir* 2:71)

BERPUASA TERUS 10 HARI AWAL MUHARRAM

Saya tidak menemui ganjaran khusus di dalam hadis bagi amalan berpuasa 10 hari awal Muharram ini. Namun daripada 4 penerangan di bawah ini dapat difahami bahawa berpuasa pada 10 hari awal Muharram lebih besar ganjarannya.

1. Sayyidina Abu Hurairah ﷺ meriwayatkan hadis yang menyatakan bahawa puasa yang paling utama selepas puasa Ramadan adalah puasa di dalam bulan Muharram. (Muslim, *Sahih Muslim* 1163)
2. Secara umumnya difahami bahawa semua amalan kebaikan akan mendapat ganjaran yang lebih besar di dalam 4 bulan haram ini dan Muharram adalah salah satu daripadanya. (Ibn Rajab, *Lata`if al-Ma`arif*, ms.163)
3. Sesetengah Tabi'in dan para ulamak yang lain telah memilih bulan Muharram sebagai bulan yang paling utama di antara keempat-empat bulan haram ini. (Ibn Rajab, *Lata`if al-Ma`arif*, ms.79)
4. Hafiz Ibn Rajab ﷺ menulis bahawa bahagian yang terbaik di dalam bulan Muharram adalah 10 hari yang terawal. (Ibn Rajab, *Lata`if al-Ma`arif*, ms.79)

PERISTIWA NABI MUSA ﷺ DISELAMATKAN

Sayyidina Ibnu Abbas ﷺ meriwayatkan hadis tentang peristiwa Nabi Musa ﷺ dan Bani Israil diselamatkan oleh Allah ﷺ pada hari ke-10 bulan Muharram. Sebagai tanda syukur, Nabi Musa ﷺ berpuasa pada hari itu. (*Al-Bukhari, Sahih Bukhari* 2004)

PERISTIWA NABI NUH ﷺ DISELAMATKAN

Sayyidina Abu Hurairah ﷺ meriwayatkan hadis tentang peristiwa bahtera Nabi Nuh ﷺ mendarat di Bukit Judi pada hari ke-10 bulan Muharram. Sebagai tanda syukur, Nabi Nuh ﷺ berpuasa pada hari itu. (*Ahmad, Musnad Ahmad* 8717)

BERPUASA PADA HARI 'ASYURA (KE-10 MUHARRAM)

Terdapat riwayat hadis yang menceritakan bahawa orang Quraish (sebelum Islam) juga berpuasa pada hari ke-10 Muharram. (*Muslim, Sahih Muslim* 2637).

Allamah al-Qurtubi ﷺ menyatakan bahawa berkemungkinan mereka (orang Quraish) mempercayai bahawa itu adalah sebahagian daripada ajaran Nabi Ibrahim ﷺ dan Nabi Ismail ﷺ memandangkan orang Quraish sering mengatakan bahawa mereka adalah pengikut kedua-dua nabi tersebut. (*Al-Qurtubi, al-Mufhim*, hadis 993, Ibn Hajar, *Fath ul-Bari*, hadis 2004)

Diriwayatkan di dalam sebuah hadis bahawa orang yang berpuasa pada hari ke-10 Muharram akan diampunkan dosa setahun sebelumnya. (Muslim, *Sahih Muslim* 2738)

Para ulamak mengatakan bahawa dosa-dosa kecil akan diampunkan. Seseorang itu perlu bertaubat agar dosa-dosa besarnya diampunkan. (An-Nawawi, *al-Minhaj*)

GALAKKAN BERPUASA 1 HARI LAGI SELAIN PADA HARI 'ASYURA

Seseorang itu juga digalakkan menambah 1 hari lagi puasa, selain daripada hari ke-10 itu, sama ada 1 hari sebelumnya atau 1 hari selepasnya. (An-Nawawi, *al-Minhaj*)

Terdapat hadis yang menyarankan untuk berpuasa pada hari ke-9 juga, selain daripada hari ke-10. (Muslim, *Sahih Muslim* 2661, 2662)

Juga terdapat hadis yang menyarankan untuk berpuasa pada hari ke-10. Kemudian untuk membezakan dengan amalan orang Yahudi, berpuasa juga sama ada pada hari ke-9 atau hari ke-11. (Ibn Khuzaimah, *Sahih Ibn Khuzaimah* 2095, Ahmad, *Musnad Ahmad* 1:241, at-Tahawi, *Sharh Ma'ani il-Athar* 2:78, al-Baihaqi, *as-Sunan ul-Kubra* 4:287)

Hafiz Ibn Hajar menyatakan bahawa pilihan yang paling baik ialah berpuasa pada hari ke-9, ke-10 dan ke-11 ketiga-tiganya. (Ibn Hajar, *Fath ul-Bari*, di bawah hadis 2000)

MEMPERBANYAKKAN BERTAUBAT

Terdapat sebuah hadis yang menyatakan bahawa terdapat satu hari di dalam bulan Muharram yang mana taubat umat akan diterima. (At-Tirmizi, *Sunan at-Tirmizi* 741)

Kredit Penulisan : Maulana Muhammad Bin Maulana Haroon Abasoomar

PUASA HARI 'ASYURA

HARI KE-10 BULAN MUHARRAM

Humaid ibn Abdul Rahman meriwayatkan bahawa beliau mendengar Sayyidina Muawiyah Bin Abu Sufyan ﷺ berkata di atas mimbar pada hari 'Asyura pada tahun beliau menunaikan haji, "Wahai penduduk Madinah!

Di manakah ulamak-ulamak kamu? Aku mendengar Rasulullah ﷺ berkata, "Ini ialah hari 'Asyura, Allah tidak menjadikan puasa itu wajib, tetapi aku berpuasa (pada hari ini). Sesiapa yang mahu berpuasalah dan sesiapa yang tidak mahu tidak perlu berpuasa." (Al-Bukhari, *Sahih Bukhari* 2003, Muslim, *Sahih Muslim* 1129)

Sayyidina Muawiyah ﷺ bertanya "*Di manakah ulamak-ulamak kamu*" bermaksud bahawa mereka perlu memberi penerangan dan memperbetulkan salah faham kamu.

Imam Nawawi ﷺ menerangkan bahawa sepertinya Sayyidina Muawiyah ﷺ mendengar sesetengah orang berkata bahawa puasa pada hari ke-10 itu sebagai wajib, haram atau tidak disukai sedangkan ia adalah **Sunnah**. (An-Nawawi, *al-Minhaj*, hadis 2648)

Hafiz Ibn Hajar ﷺ berkata, "Riwayat ini menunjukkan seolah-olah Sayyidina Muawiyah ﷺ merasakan bahawa orang ramai tidak mengambil berat akan kepentingan puasa ini. Beliau kemudiannya bertanya di mana para ulamak? (Mereka sepatutnya memberi galakkan kepada kamu untuk berpuasa). (Ibn Hajar, *Fath ul-Bari*, hadis 2003)

Berkemungkinan terdapat mereka-mereka di Madinah yang tidak mendapat penjelasan sepenuhnya tentang perkara itu.

Kredit Penulisan : Maulana Muhammad Bin Maulana Haroon Abasoomar

KESIMPULANNYA BEBERAPA PILIHAN BOLEH DIBUAT

- Puasa pada hari ke-10 sahaja.
- Puasa pada hari ke-9 dan hari ke-10.
- Puasa pada hari ke-10 dan hari ke-11.
- Puasa pada hari ke-9, hari ke-10 dan hari ke-11.
- Puasa 10 hari berterusan awal Muharram.

MELUASKAN BELANJA KEPADА KELUARGA PADA HARI 'ASYURA

Terdapat sebuah hadis yang berbunyi, "Barangsiapa yang meluaskan (belanja) kaum keluarganya pada hari 'Asyura', maka Allah ﷺ akan melapangkannya pada tahun tersebut seluruhnya".

Hadis ini diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat. Antaranya ialah :-

1. Sayyidina Jabir ؓ . (Ibn 'Abd ul-Barr, *al-Istidhkhar* 10:140). Hafiz al-Iraqi ؓ menyatakan bahawa jalur riwayat ini adalah yang paling sahih bagi hadis ini. Beliau juga menyatakan bahawa ianya sahih seperti syarat Imam Muslim ؓ . (As-Sakhawi, *al-Maqasid ul-Hasanah* 1193)
2. Sayyidina Abu Hurairah ؓ . (Al-Baihaqi, *ash-Shu'ab ul-Iman* 3515, Al-Mundziri, *at-Targhib* 2:115-116). Jalur riwayat ini telah disahkan oleh Hafiz Ibn Nasr ؓ . (As-Sakhawi, *al-Maqasid ul-Hasanah* 1193)

3. Sayyidina Abu Said al-Kudri ﷺ. (Al-Baihaqi, *ash-Shu'ab ul-Iman* 3514)

4. Sayyidina Abdullah ibn Mas'ud ﷺ. (Al-Baihaqi, *ash-Shu'ab ul-Iman* 3513). Selepas merakamkan hadis ini, Imam Baihaqi ﷺ mengulas seperti berikut, "Apabila kesemua jaluran riwayat ini dikumpulkan, ia menjadi kuat."

Kenyataan Imam Baihaqi ﷺ ini telah dinukilkkan untuk diakui kebenarannya oleh beberapa ulama hadis yang pakar seperti Imam al-Mundziri ﷺ, Hafiz Ibn Hajar ﷺ, Allamah as-Sakhawi ﷺ dan Allamah as-Suyuti ﷺ. (Al-Mundziri, *at-Targhib* 2:116, Ibn Hajar, *al-Amali il-Mutlaqah* ms.30, As-Sakhawi, *al-Maqasid ul-Hasanah* 1193, as-Suyuti, *al-La'ali il-Masnu'ah* 2:95)

5. Sayyidina Abdullah ibn Umar ﷺ. (Ad-Daraqutni, *al-Afrad*, Ibn 'Araq, *Tanzihu ush-Shari'ah* 2:158). Jalur riwayat ini juga dikatakan baik atas kenyataan Sayyidina Umar ﷺ. (Ad-Daraqutni, *al-Afrad*, As-Sakhawi, *al-Maqasid ul-Hasanah* 1193, Ibn 'Araq, *Tanzihu ush-Shari'ah* 2:158)

Tambahan pula sebahagian daripada perawi hadis ini telah dilaporkan mengakui perkara ini dengan kata-kata mereka, "Kami telah mencuba perkara ini dan telah mendapati bahawa ianya benar-benar berlaku." (Ibn 'Abd ul-Barr, *al-Istidhkhar* 10:140)

Pengakuan mereka ini menambahkan lagi kekuatan riwayat hadis ini.

Bahkan seorang perawi hadis ini yang merupakan seorang muhaddis dan faqih, Sufyan ibn 'Uyainah ﷺ mengatakan, "Aku telah melakukan perkara ini 50 ke 60 tahun dan ia benar-benar berlaku." (Ibn Rajab, *Lata`if ul-Ma'arif* ms.113)

Imam al-Bajuri ﷺ menulis, "Apabila kesemua jaluran riwayat ini dikumpulkan, ia menjadi kuat." (Al-Qastalani, *al-Mawahib ul-Ladunniyyah* ms.492)

Saya telah menukilkhan kesahihan hadis ini daripada 10 orang muhaddis. (Hafiz al-Iraqi ﷺ, Hafiz Ibn Nasr ﷺ, Imam Baihaqi ﷺ, Imam al-Mundziri ﷺ, Hafiz Ibn Hajar ﷺ, Allamah as-Sakhawi ﷺ, Allamah as-Suyuti ﷺ, Ibn 'Abd ul-Barr ﷺ, Sufyan ibn 'Uyainah ﷺ dan Imam al-Bajuri ﷺ). Ini sudah cukup bagi sesiapa sahaja untuk mengakuinya.

Akhir sekali, hadis ini memberi jalan keluar kepada kesempitan ekonomi global pada masa kini. Perkara ini tidak terhad kepada makanan sahaja. Seseorang itu boleh berbelanja dalam apa-apa sahaja bentuk yang dirasakan paling sesuai. ('Ala ud-Din ibn 'Abidin, *al-Hadiyyat ul-'Ala'iyyah* ms.311)

Meluaskan perbelanjaan ini bergantung kepada keadaan seseorang itu. Namun janganlah sehingga ke tahap membazir atau meniru-niru gaya orang bukan Islam berbelanja.

Nota : Hadis ini hanya menyatakan tentang meluaskan perbelanjaan kepada ahli keluarga sahaja. Perkataan '*ayalih*' diterjemahkan sebagai 'orang di bawah tanggungannya'.

Kredit Penulisan : Maulana Muhammad Bin Maulana Haroon Abasoomar

Bolehkah Puasa 'Asyura Secara Tunggal Pada Hari Jumaat, Sabtu atau Ahad sahaja?

Para ulama menjelaskan hukum mengerjakan ibadah puasa sunat semata-mata pada hari Sabtu atau Ahad adalah makruh. Begitu juga dimakruhkan melakukan puasa sunat pada hari Jumaat sahaja. (Lihat Tuhfatul Muhtaj dalam Hawasyi asy-Syarwani, juzuk 3/458, Nihayatul Muhtaj, juzuk 3/209 & Mughni Muhtaj, juzuk 2/184-185).

Rasulullah ﷺ bersabda, “Janganlah seseorang daripada kamu berpuasa sunat semata-mata pada hari Jumaat melainkan berpuasa sebelumnya atau sehari selepasnya”. (Sahih Bukhari 1849 dan Muslim 1929)

Ulama menyatakan larangan di dalam hadis tersebut merujuk kepada larangan yang tidak putus (makruh). Manakala berpuasa semata-mata pada hari Ahad pula diqiyaskan kepada ibadah puasa pada hari Sabtu.

Menurut Ulama sebab menjadikan perbuatan ibadah puasa semata-mata itu makruh adalah kerana hari tersebut merupakan hari yang diagung-agungkan oleh orang-orang Yahudi.

Manakala hari Ahad, hari yang diagung-agungkan oleh Nasrani. (Lihat Hasyiah Qalyubi wal Umairah, juzuk 2/94 & Mughni Muhtaj, juzuk 2/185).

Telah berkata Imam An-Nawawi radi Allahu anhu : Telah berkata ashab kami iaitu dikalangan ulama as-Syafi'iyyah: Makruh semata-mata berpuasa sunat pada hari Jumaat, namun sekiranya bersambung puasa tersebut dengan hari sebelum atau selepasnya ataupun bertepatan

hari Jumaat tersebut dengan adatnya sebagai contohya seseorang itu bernazar berpuasa apabila sembah dari penyakitnya atau datangnya Zaid selalu pada hari Jumaat maka bertepatan perkara tersebut pada hari Jumaat maka puasa sunatnya tidak menjadi makruh. (Lihat Al-Majmu` Syarh al-Muhazzab, Juzuk 6/479).

Dapatlah difahami bahawa, sekiranya ibadah puasa sunat tersebut dicantumkan pada hari sebelumnya atau selepasnya maka tidaklah makruh berpuasa sunat pada hari-hari tersebut kerana ia tidak lagi menyerupai amalan yang dilakukan oleh mana-mana kaum.

Begitu juga, tidak makruh mengerjakan puasa semata-mata Jumaat, Sabtu atau Ahad sekiranya hari-hari tersebut dianjurkan oleh syarak untuk berpuasa seperti Hari 'Asyura atau Hari 'Arafah yang jatuh bertepatan pada hari-hari berkenaan atau tidak makruh bagi mereka yang megerjakan puasa sunat Nabi Daud (puasa selang seli diantara berpuasa sehari dan berbuka sehari) atau tidak makruh juga mereka yang mengerjakan puasa Qada' atau puasa nazar. (Lihat Nihayatul Muhtaj, Juzuk 3/209).

Sumber: Al-Kafi-li-al-Fatawi, Mufti Wilayah Persekutuan.

Kesimpulan : Boleh dan tidak makruh untuk berpuasa hari 'Asyura (hari ke-10 bulan Muharram) secara tunggal satu hari sahaja jika sekiranya hari tersebut jatuh pada hari Jumaat, Sabtu atau Ahad.

Bantuan Malaikat Kepada Sayyidina Zaid Bin Harisah

Hadrat Laiš bin Sa'ad ﷺ berkata bahawa telah sampai kepadaku satu kisah daripada Sayyidina Zaid bin Harišah ﷺ. Beliau menceritakan bahawa suatu ketika aku telah menyewa seekor baghal dari seorang lelaki Taif. Pemberi sewa itu meletakkan syarat bahawa dia boleh menurunkan aku di mana-mana sahaja yang dia inginkan. Dalam perjalanan itu kami telah sampai satu kawasan yang sunyi.

Kemudian pemilik baghal tersebut telah berkata, "Turunlah!"

Apabila aku turun, aku mendapati tempat itu dipenuhi dengan mayat-mayat orang yang dibunuh bergelimpangan. Apabila si pemilik baghal itu ingin membunuhku, maka aku berkata, "Biarkanlah aku bersolat dua rakaat."

Si pemilik baghal itu berkata, "Kamu solatlah, sesungguhnya orang-orang sebelum kamu juga bersolat, tetapi solat mereka langsung tidak mendatangkan apa-apa manfaat."

Apabila aku selesai solat, dia telah datang mendekatiku untuk membunuhku, lalu aku berdoa,

يَا أَرْحَمَ الرَّحِيمِينَ

"Wahai Zat Yang Maha Mengasihani!" Tiba-tiba si pemilik baghal itu mendengar

satu suara yang berkata, "Janganlah kamu membunuhnya!"

Dia mula berasa takut, lantas dia keluar untuk mencari pemilik suara itu, tetapi dia tidak menjumpai sesiapa pun. Kemudian dia kembali semula kepadaku. Aku pun berdoa lagi dengan suara yang tinggi,

يَا أَرْحَمَ الرَّحِيمِينَ

Demikianlah yang aku lakukan sebanyak tiga kali. Tiba-tiba muncul seorang penunggang kuda, di tangannya terdapat sebilah tombak besi dan api sedang bernyala-nyala di kepala tombak tersebut. Lantas si pemilik baghal tersebut ditikamnya dengan tombak itu sehingga tembus ke pinggangnya. Terus si pemilik baghal itu telah gugur mati.

Kemudian penunggang kuda itu berkata kepadaku, "Ketika kamu berdoa kali pertama, يَا أَرْحَمَ الرَّحِيمِينَ aku berada dilangit yang ketujuh.

Sebaik sahaja kamu berdoa kali kedua, يَا أَرْحَمَ الرَّحِيمِينَ aku telah sampai ke langit dunia, dan apabila kamu berdoa kali ketiga, يَا أَرْحَمَ الرَّحِيمِينَ aku telah sampai kepadamu.

Sumber : Hayatus Sahabah, Bab Malaikat Memerangi Musyrikin

Doa Rasulullah ﷺ kepada Sayyidatina Aisyah

Bukti kecintaan Rasulullah ﷺ kepadanya dan kepada seluruh umat

Sayyidina Anas ؓ berkata bahawa Nabi ﷺ telah berdoa untuk umatnya dengan doa ini,

اللَّهُمَّ أَقِلْ بِقُلُوبِهِمْ عَلَ طَاعَتِكَ وَحُظْ مِنْ وَرَائِهِمْ بِرَحْمَتِكَ

“Ya Allah! Tumpukanlah hati-hati mereka ke arah-Mu!
Peliharalah mereka dari belakang mereka dengan rahmat-Mu!”

Sayyidatina Aisyah ؓ berkata bahawa suatu hari saya melihat Nabi ﷺ dalam keadaan amat gembira. Saya berkata, “Wahai Rasulullah! Doakanlah kepada Allah ﷺ untuk saya!” Lalu Baginda ؓ berdoa, “Ya Allah! Ampunilah dosa-dosa Aisyah yang terdahulu dan yang akan datang, yang tersembunyi dan yang terang-terangan.”

Saya terhuyung-hayang kerana begitu gembira sekali dengan doa itu sehingga kepala saya tertunduk ke riba. Lantas Baginda ؓ bertanya, “Adakah kamu begitu gembira sekali disebabkan doaku ini?” Saya menjawab, “Ya, saya amat gembira disebabkan doa itu!” Lalu Baginda ؓ bersabda, “Demi Allah! Inilah doa yang saya minta untuk umat saya pada setiap kali solah!”

Sumber : Hayatus Sahabah, Bab Doa-Doa Nabi ﷺ Untuk Umatnya

e-Majalah Darul Ulum Malaysia keluaran lepas



**DAPATKANNYA SEKARANG!
KLIK BUTANG DI BAWAH**

<http://darululum.my/majalah>

HATI ORANG TUA

SENTIASA MUDA DALAM 2 PERKARA

Sayyidina Abu Hurairah ﷺ berkata bahawa Nabi Muhammad ﷺ bersabda, “Hati orang tua sentiasa muda dalam dua perkara. 1. Cinta dunia, dan 2. Panjang angan-angan.” (Misykat: Muttafaq 'alaih)

Keterangan

Dalam keterangan hadis yang lain, telah dibincangkan dengan terperinci iaitu cinta dunia yang sebenarnya ialah cinta harta. Keburukannya banyak dinyatakan di dalam al-Quran dan hadis serta lain-lain perkara.

Dalam hadis di atas Baginda Nabi ﷺ telah memberi peringatan terhadap suatu perkara yang khusus yang ada kaitan dengan perbincangan tersebut. Pengalaman pun membuktikan kebenaran kenyataan tersebut iaitu dalam masa umur tua pun cinta harta dan panjang angan-angan bertambah dengan banyaknya.

Sebanyak mana kematian semakin hampir kerana umur yang sudah lanjut, sebanyak itulah cita-cita untuk mengahwinkan anak-anak, semangat untuk membina rumah-rumah yang cantik, keinginan menambahkan harta untuk dijadikan pusaka dan lain-lain juga semakin bertambah. Oleh sebab itu, dalam keadaan sedemikian, seseorang itu sangat perlu mengawasi nafsu masing-masing.

Dalam sebuah hadis lagi Nabi ﷺ bersabda, “Seseorang itu bertambah tua hari demi hari namun dua perkara tetap dalam keadaan muda, 1. Tamak harta, dan 2. Tamak umur yang panjang.”

Tamak akan umur yang panjang juga termasuk dalam panjang angan-angan. Seseorang itu bertambah hampir dengan kematian namun dia tidak membuat persediaan untuk mati sebaliknya sibuk membuat persediaan untuk tinggal selama-lamanya di dunia.

Ummu Walid, anak perempuan Sayyidina Umar ﷺ berkata bahawa pada suatu ketika Nabi ﷺ telah keluar dari rumahnya lalu bersabda, “Adakah kamu tidak malu?” Para sahabat bertanya, “Ya Rasulullah, apakah yang telah berlaku?” Baginda ﷺ bersabda, “Begitu banyak yang kamu kumpulkan sedangkan kamu tidak akan memakannya, begitu banyak rumah yang kamu bina yang kamu tidak akan tinggal di dalamnya dan begitu panjang angan-angan kamu yang kamu sendiri tidak mampu menyempurnakannya. Adakah kamu tidak malu daripada keadaan itu semua?”

Yakni membina rumah lebih daripada keperluan. Rumah hendaklah dibina hanya sekadar keperluan. Demikian juga harta disimpan, apa-apa sahaja yang lebih daripada keperluan bukanlah untuk disimpan malah untuk diinfaqkan di jalan Allah ﷺ.

Sumber : Kitab Fadilat Sedekah, Bab 6 : Zuhud, Qana'ah dan Tidak Meminta.

KEMPEN INFQAQ RM10/BULAN KEPADA DARUL ULUM MALAYSIA

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sedekah menolak 70 macam bala dan bencana dan yang paling ringan ialah penyakit kusta dan sopak." (Riwayat al-Baihaqi dan al-Tabarani).

Darul Ulum Malaysia diasaskan untuk memudahkan perkongsian ilmu dan aktiviti madrasah, menjalin ukhuwwah, ulfah dan mahabbah sesama ulama, warga madrasah, masyarakat awam, ibu bapa, pelajar dan pencinta ilmu. Anda boleh melihat perjalanan aktiviti Darul Ulum Malaysia di <http://darululum.my>

Kami menjemput para hartawan dan umat Islam umumnya untuk menginfaqkan RM10/bulan kepada pihak Darul Ulum Malaysia untuk meneruskan aktiviti-aktiviti seterusnya.

Infqaq terus secara online melalui pautan berikut:
<https://rabih.onpay.my/order/form/infaq> (sila klik)

Untuk urusan mendapatkan resit sumbangan sila rujuk:
Nama Akaun : Pertubuhan Amal Darul Ulum
14238010008853 (Bank Islam)
Emel: dumalaysia@gmail.com



Darul Ulum Malaysia

<http://darululum.my>

Infaq Darul Ulum Malaysia

Nama Bank : BANK ISLAM

Nama Akaun : PERTUBUHAN AMAL DARUL ULUM

No. Akaun : 14238010008853

Emel: dumalaysia@gmail.com

Infaq terus secara online melalui pautan berikut:

<https://rabih.onpay.my/order/form/infaq> (sila klik)

Rasulullah ﷺ bersabda: “Amalan yang paling dicintai oleh Allah ﷺ adalah amalan yang berterusan walaupun jumlahnya sedikit.” (Bukhari)